

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN : Y.B DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan kepentingan kewujudan Rukun Tetangga, adakah Kerajaan akan menambahkan peruntukan bagi memperkasakannya dan adakah Kerajaan akan memberi pengiktirafan yang lebih untuk menggalakkan rakyat melibatkan diri dalam badan sukarela ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa memberi keutamaan kepada penubuhan dan perluasan Rukun Tetangga di mana setiap tahun sebanyak 300 buah Rukun Tetangga baru akan ditubuhkan.

Pada setiap tahun, kerajaan sentiasa menambah jumlah peruntukan untuk memperkasakan Rukun Tetangga sama ada melalui pemberian geran atau pemberian kemudahan-kemudahan yang lain.

Contohnya peruntukan untuk penyewaan Pusat Rukun Tetangga yang memerlukan untuk dijadikan Pusat Khidmat Komuniti dan pentadbiran Rukun Tetangga sebagai kemudahan asas bagi Rukun Tetangga yang tidak mempunyai pusat aktiviti. Manakala peruntukan pengurusan untuk pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela juga diberikan bagi tujuan pengoperasian rondaan.

Selain itu, kerajaan juga sentiasa menyalurkan peruntukan kepada Rukun Tetangga dari masa ke semasa berdasarkan permohonan dan keperluan masyarakat. Perkara ini dilaksanakan bagi memastikan Rukun Tetangga yang ditubuhkan dapat bergerak aktif dan melaksanakan program dengan lebih berkesan untuk mencapai matlamat memperkukuhkan semangat kejiranan dan keselamatan komuniti.

Pengiktirafan untuk menggalakkan penglibatan rakyat dalam badan sukarela ini disalurkan melalui pelbagai kaedah. Selain memberikan geran peruntukan dan anugerah di peringkat Daerah/ Bahagian atau Negeri, Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga juga diberikan perlindungan insuran secara percuma oleh kerajaan.

Kemudahan peralatan dan perkakasan untuk pelaksanaan dan pengendalian aktiviti Skim Rondaan Sukarela juga disediakan. Misalnya pemberian peralatan Skim Rondaan Sukarela seperti baju vest, cota, lampu suluh dan kon keselamatan.

Bagi Rukun Tetangga yang cemerlang dan mempunyai prestasi yang baik, pihak jabatan juga memberikan Anugerah Khas di peringkat Kebangsaan seperti Anugerah Emas Rukun Tetangga, pemberian insentif Lawatan Integrasi kepada Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dan mencadangkan nama Jawatankuasa untuk penerimaan tokoh dan pingat kebesaran yang bersesuaian dengan prestasi dan ketokohan yang ditunjukkan.

Insentif dan pengiktirafan tersebut diberikan untuk menggalakkan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat supaya mereka akan semakin giat dan aktif membantu kerajaan dalam melaksanakan program-program meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian Negara.